



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK AISYAMUDDIN BIN ABD LATIP,
PENGARANG KEHORMAT AHLI PERSATUAN SEJARAH SEGAMAT
MENGENAI SEJARAH KAMPUNG LUBOK BATU**

NUR SAIYIDATUL ATHIRAH BINTI SAMIN

(2022961973)

NUR IZZATI BINTI MANSOR

(2022919511)

SEMESTER MAC 2023-JULAI 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK AISYAMUDDIN BIN ABD LATIP,
PENGARANG KEHORMAT AHLI PERSATUAN SEJARAH
SEGAMAT
MENGENAI SEJARAH KAMPUNG LUBOK BATU**

NUR SAIYIDATUL ATHIRAH BINTI SAMIN

(2022961973)

NUR IZZATI BINTI MANSOR

(2022919511)

**KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK &
MATEMATIK**

SEMESTER MAC 2023 - JULAI 2023

	Isi Kandungan	M/S
Roman	Abstrak	i
Numerals	Penghargaan	ii
	Senarai Abreviasi	iii
	Senarai Singkatan	iv
	Rujukan Kata	v
1.0	Biodata Penemubual	1
	1.1 Penemubual Pertama	2
	1.2 Penemubual Kedua	3
2.0	Biodata Pengkisah	4
	2.1 Biodata Pengkisah	5
	2.2 Pengenalan kepada pengkisah	6
3.0	Sejarah Lisan	7
	3.1 Pengenalan	8
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	8
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	9
4.0	Kajian Literatur	10
	4.1 Sejarah Lisan	11
5.0	Transkrip Temubual Bersama Pengkisah	13
6.0	Log Temubual	51
7.0	Ralat	60
8.0	Glosari	62
9.0	Indeks	66
10.0	Bibliografi	71
11.0	Lampiran	73
	11.1 Biografi Pengkisah	74
	11.2 Surat Perjanjian	75
	11.3 Senarai Soalan	77
	11.4 Diari Penyelidikan	80
	11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	82

Abstrak: Tujuan transkrip ini adalah untuk meneliti tentang sejarah Kampung Lubok Batu, dan temu bual dijalankan dengan seorang ahli sejarah dan pengumpul artifak sejarah di wilayah Segamat. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menyelami naratif sahih kawasan kampung Lubok Batu serta merungkai mitos yang terdapat di kawasan itu. Usaha sedemikian bertujuan untuk menyumbang kepada koleksi sejarah lisan yang tidak ternilai, memastikan bahawa kebenaran dan intipati tempat ini dipelihara untuk generasi akan datang. Kajian ini membicarakan beberapa perkara menarik seperti sejarah insan istimewa Bernama Bendahara Tepok, cerita tentang Sungai Segamat, meriam dan banjir besar serta kisah misteri di Lubok Batu dan beberapa cerita atau pengalaman dari penduduk atau pengkaji itu sendiri. Tambahan pula, transkrip ini juga dapat menjelaskan bagaimana sejarah keilmuan tempatan seperti kisah meriam dan banjir besar di Segamat yang menjadi cerita terkenal yang masih diperkatakan sehingga kini. Kajian ini bertujuan untuk memberikan maklumat yang berharga kepada penyelidik, pelajar, dan masyarakat umum dengan mengkaji sejarah Kampung Lubok batu dan mitos berkaitan. Dapatan kajian ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik tentang kisah benar di sebalik Kampung Lubok Batu dan aspek mitosnya.

Kata Kunci: Kampung Lubok batu, meriam, banjir besar, Segamat, mitos.

Abstract: The purpose of this transcript is to examine the history of Kampung Lubok Batu, and an interview was conducted with a historian and collector of historical artifacts in Segamat region. The purpose of this study was to dive into the authentic narrative of the village area of Lubok Batu as well as to unravel the myths found in the area. Such efforts are aimed at contributing to the collection of invaluable oral histories, ensuring that the truth and essence of this place are preserved for future generations. This study discusses some interesting things such as the history of the special human being named Bendahara Tepok, stories about the Segamat River, cannons and major floods as well as mysterious stories in Lubok Batu and some stories or experiences from the residents or researchers themselves. Furthermore, this transcript can also explain how the history of local science such as the story of cannons and the great flood in Segamat became a famous story that is still being told today. This study aims to provide valuable information to researchers, students, and the public by studying the history of Kampung Lubok batu and related myths. The findings of this study can contribute to a better understanding of the true story behind Kampung Lubok Batu and its mythical aspects.

Key word: Kampung Lubok Batu, cannon, major flood, Segamat, myth.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya, Nur Saiyidatul Athirah binti Samin dan rakan seperjuangan saya iaitu Nur Izzati binti Mansor ingin memanjatkan rasa syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah kami menyiapkan wawancara ini dengan jayanya walaupun perlu menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Azura binti Abdul Jamil@Kamarudzzaman, selaku pensyarah kami di atas segala pengorbanan, kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang menyumbang kepada kejayaan kami dalam penghasilan wawancara ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar kami untuk menjadi penemubual yang berdedikasi.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Encik Aisyamuddin bin Abd Latip selaku pengkisah pilihan kerana sudi meluangkan masa dan tenaga walaupun sibuk dengan tanggungjawab sebagai seorang pelajar juga.

Sekalung ucapan terima kasih kami ucapkan kepada kedua ibu bapa kami kerana telah menyokong dan sentiasa mendoakan yang terbaik untuk kami. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan yang banyak memberi peringatan terhadap setiap apa yang saya telah alpa dan juga telah banyak membantu dan mencetuskan idea saya sepanjang proses menyiapkan tugas ini.

Akhir madah, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan wawancara ini. Segala bantuan yang telah mereka hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka semua tugas ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

SENARAI ABREVIASI

PERZIM	Perbadanan Muzium Melaka
STS	Sekolah Tinggi Segamat
UiTM	Universiti Teknologi MARA
STF	Sekolah Tun Fatimah
LK	Lukisan Kejuruteraan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
KNJ	Kerajaan Negeri Johor
PSS	Persatuan Sejarah Segamat
YWJ	Yayasan Warisan Johor
MBJ	Menteri Besar Johor

SENARAI SINGKATAN

NSA: Nur Saiyidatul Athirah binti Samin

NIM: Nur Izzati binti Mansor

AAL: Aisyamuddin bin Abd Latip

RUJUKAN KATA


Pastu	Selepas itu
Umo	Umur
Cite	Cerita
Abende	Apa benda
Robok	Almari
Takde	Tiada
Tu	Itu
Ni	Ini
Kat	Dekat
Bukak	Buka
Keje	Kerja
Kang	Nanti
Je	Sahaja
Takleh	Tidak boleh
Anto	Hantar
Taon	Tahun
Bagitau	Beritahu
Korek	Gali
Mintak	Minta

BIODATA

PENEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 Penemubual Pertama

Penemubual Pertama	
	
<i>Gambar 1 Saiyidatul Athirah binti Samin</i>	
Nama:	Nur Saiyidatul Athirah binti Samin
Tarikh Lahir:	24 Februari 2001
Tempat Lahir:	Hospital Batu Pahat
Alamat:	No 16, Jalan Aman 2, Taman Budiman, Parit Raja, Batu Pahat
No Telefon:	017-7967461
Email:	saiyidatulathirah@gmail.com
Program:	Pengurusan Rekod (IM246)

1.2 Penemubual Kedua

Penemubual Kedua



Gambar 2 Nur Izzati binti Mansor

Nama:	Nur Izzati binti Mansor
Tarikh Lahir:	5 Disember 2001
Tempat Lahir:	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar
Alamat:	Lot 9, Lorong Esa, Bukit Pasir, Muar, Johor
No Telefon:	010-2024153
Email:	nurizzati0512@gmail.com
Program:	Pengurusan Rekod (IM246)

BIODATA PENGKISAH

2.0 Biodata Pengkisah

2.1 Biodata Pengkisah

PENKISAH



Nama:	Aisyamuddin bin Abd Latip
Nama Samaran:	Aisyam, Muddin
Tarikh Lahir:	17 Januari 1995
Tempat Lahir:	Kampung Alai
Alamat:	Kampung Alai, Gemereh, Segamat
No Telefon:	010-4210524
Email:	Aisyam.muddin95@gmail.com
Profesion:	Pelajar Sarjana dan Pengarang Kehormat Persatuan Sejarah Segamat
Bidang:	Arkitek

2.2 Pengenalan Kepada Pengkisah

Individu yang dipilih untuk tujuan projek kajian penyelidikan ini ialah Encik Aisyamuddin bin Abd Latip. Pengkisah dilahirkan pada tanggal 17 Januari 1995 di mana usia beliau sekarang ialah 28 tahun pada tahun ini. Pengkisah berasal dari Kampung Alai, Gemereh Segamat, Johor dan mempunyai enam orang adik beradik yang terdiri dari tiga orang perempuan dan tiga orang lelaki. Pengkisah mendapat pendidikan awal di SK Gemereh dan kini sedang melanjutkan pengajian pada peringkat Sarjana dalam bidang Arkitek bertempat di UTM Skudai, Johor. Selain itu, pengkisah juga berkhidmat dan terlibat sebagai ahli aktif dan pengarang kehormat Persatuan Sejarah Malaysia kawasan Segamat yang ditubuhkan pada tahun 2019.

Di samping itu, antara faktor beliau melibatkan diri dalam persatuan ini adalah kerana ingin meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang kepentingan mendokumentasikan warisan dan sejarah di Segamat. Hal ini sekaligus dapat meningkatkan industri pelancongan di daerah tersebut. Akhirnya, ini bukan sahaja memberi manfaat kepada ekonomi tempatan tetapi juga menggalakkan rasa bangga dan menghargai kekayaan warisan dan sejarah Segamat.

SEJARAH LISAN

3.0 Sejarah Lisan

3.1 Pengenalan

Sejarah lisan adalah sesuatu metodologi atau kaedah temubual seorang tokoh atau seseorang yang pernah memberi sumbangan kepada tanah air kita yang dirakamkan secara wawancara menggunakan perakam suara dan direkodkan dalam transkrip. Menurut laman sesawang Universiti Kebangsaan Malaysia (Sejarah Lisan, 2007), sejarah lisan ialah salah satu kaedah yang dapat digunakan dalam menggambar maklumat seseorang tokoh secara wawancara. Kebiasaannya, tokoh-tokoh yang terpilih itu mempunyai maklumat yang diperolehi melalui pengalaman atau penglibatan mereka secara langsung dalam suatu peristiwa atau watak.

Menurut Siti Roudhah Mohamad Saad et al. (2012), Rozeman (2004) berkata bahawa sejarah lisan juga merupakan satu bidang kajian yang membolehkan kita bertemu dan mengenali insan-insan yang hebat seperti ahli korporat, artis veteran, tokoh sejarawan, penulis terkenal atau sesiapa sahaja yang terkenal dan mempunyai maklumat atau fakta sejarah yang pernah terjadi dan masih tersemat dalam memori mereka pada masa dahulu. Melalui kajian sejarah lisan, setiap individu yang menemu bual tokoh tersebut akan memperoleh banyak pengalaman baru, mendalami ilmu sejarah dan mengenali tingkah laku atau personaliti individu tersebut. Menurut Rozeman Abu Hassan (2004), Louis Starr beranggapan bahawa sejarah lisan ialah salah satu kaedah yang dapat mengumpul kembali data sejarah setelah bidang ini semakin dilupakan dan dianggap perkara yang remeh.

3.2 Objektif Sejarah Lisan

- Untuk mendapatkan maklumat yang tepat tentang peristiwa sejarah yang berlaku di kawasan Lubok Batu bagi mewujudkan rekod yang boleh dipercayai sebagai sumber utama.
- Untuk mendokumentasikan mitos dan mistisisme yang terjadi di kawasan Lubok Batu sebagai bahagian dari pencatatan sejarah lisan.
- Untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang sejarah kawasan Lubok Batu dengan menjadikannya sebagai sumber rujukan.

3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Penggunaan kajian sejarah adalah penting dalam menyatukan peristiwa lampau, terutamanya apabila rekod bertulis tidak tersedia kerana kehilangan atau kemusnahan. Kaedah ini berfungsi sebagai alat yang berharga dalam mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh sumber bertulis. Ini juga sebagai sumber yang berharga untuk menambah jurang dalam sumber bertulis. Butiran data atau maklumat yang diberikan akan menyumbang kepada pemeliharaan dokumen bertulis yang telah didokumenkan dengan tujuan untuk melindungi dan mengekalkan bukti sejarah, yang boleh hilang atau tertakluk kepada pindaan.

Kajian ini bertujuan untuk memberikan pemahaman yang menyeluruh tentang kepentingan mengumpul maklumat dan memelihara data sejarah di Malaysia. Dapatan kajian ini diharap dapat memberi pencerahan dan meluaskan perspektif rakyat terhadap nilai memelihara kekayaan warisan atau sejarah yang ditinggalkan di Malaysia. Kawasan di sekitar Segamat amat menarik perhatian kerana nilai sejarahnya yang ketara. Adalah penting bahawa individu dan organisasi meluangkan masa untuk lebih memahami sepenuhnya dan menghargai kepentingan wilayah ini melalui penyiasatan dan analisis yang menyeluruh.

Penceritaan sejarah melalui tokoh atau pengkisah membolehkan pengiktirafan sumbangan mereka dalam bidang masing-masing. Ini berfungsi sebagai sumber yang berharga untuk individu dan organisasi yang terlibat, kerana ia menyediakan rujukan untuk peristiwa sejarah Sumbangan terhadap negara pula, kajian sejarah ini mempunyai nilai yang signifikan di mana ia dapat meningkatkan penyusunan sumber utama mereka untuk tujuan rujukan, memenuhi keperluan individu dari semua bidang kehidupan. Sumbangan kepada masyarakat pula kajian ini boleh menawarkan sumber yang berharga dan boleh dipercayai untuk penyelidikan, di samping berfungsi sebagai rujukan untuk generasi akan datang.

Akhirnya, kajian sejarah ini memainkan peranan penting dalam menyatukan masa lalu, kerana ia membolehkan pengumpulan dokumen primer daripada sumber yang boleh dipercayai, akhirnya berfungsi sebagai rujukan berharga untuk anak cucu dan membantu dalam mengekalkan ingatan tepat tentang peristiwa sejarah.

KAJIAN LITERATUR

4.0 Kajian Literatur

4.1 Sejarah Lisan

Sejarah lisan merupakan satu kaedah untuk memperoleh maklumat tentang fakta-fakta sejarah daripada tokoh-tokoh sejarah atau seseorang yang mempunyai maklumat tentang perkara tersebut. Menurut Siti Roudhah Mohamad Saad et al. (2012), sejarah lisan adalah salah satu kaedah untuk mengumpul maklumat dengan cara menemu bual atau wawancara seseorang tentang peristiwa-peristiwa yang pernah ditempuh pada masa lalu. Hal ini demikian kerana, mereka masih mempunyai memori dan ingatan yang kuat terhadap peristiwa tersebut. Berdasarkan terjemahan daripada Baylor University Institute (2016), sejarah lisan bertujuan untuk memelihara temu bual yang dirakam seterusnya menjadikannya sebagai bahan yang boleh diakses dan boleh dikongsi kepada orang lain. Tokoh-tokoh tersebut juga merupakan saksi dan sedikit sebanyak boleh menyumbang pandangan mereka dari pelbagai sudut dan juga memberikan gambaran pada masa lalu yang lebih lengkap dan tepat berdasarkan maklumat seperti gambar, data statistik dan lain-lain lagi.

Menurut Siti Roudhah Mohamad Saad et al. (2012), Ahmad (1987) menyatakan bahawa sejarah lisan merupakan kaedah penyelidikan moden dimana keterangan seseorang akan diambil sekiranya mereka mempunyai maklumat tentang peristiwa yang telah berlaku. Ia juga turut disokong oleh Starr (1984) seperti yang dinyatakan dalam Siti Roudhah Mohamad Saad et al. (2012), sejarah lisan juga merupakan salah satu cara untuk meneruskan proses pengumpulan data dan fakta tentang sejarah yang berkemungkinan masih belum dikaji dan dirakam semula untuk memastikan ketepatan dan kesahihan peristiwa tersebut sejurus menjadi sumber rujukan kepada orang lain.

Seperti yang dinyatakan oleh Seow Han Lin (2020), sejarah lisan memainkan peranan yang penting dalam memelihara peristiwa-peristiwa sejarah bagi menggantikan rekod yang sudah hilang dan musnah angkara penjajah dahulu seperti British dan Jepun. Menurutny lagi, (Nadzan, 1979), sejarah lisan amatlah penting untuk memenuhi rekod-rekod yang bertulis, memperbetulkan fakta-fakta yang kurang tepat dan menjadi dorongan utama kepada para sejarawan untuk membuat kajian. Dengan erti kata lain, sejarah lisan berperanan dalam perkembangan dan saat-saat sejarah sejarah agar tidak dilupakan dan kekal sebagai bahan bukti yang sangat bermakna bagi sesuatu tempat.

Akhir sekali, dengan kaedah merakam suara dan membuat transkrip dalam sejarah lisan dapat memanifestasikan cara pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dan produktif dalam institusi pendidikan. Dalam proses menemu bual seseorang, ia tidak semestinya terdiri dalam golongan elit sahaja kerana ramai orang biasa mempunyai pengalaman dan cerita berkenaan sejarah terdahulu. Sejarah lisan juga boleh mengukuhkan lagi penulisan sejarah tanah air kita seterusnya boleh menjadi rujukan dan tatapan generasi yang akan datang (Seow Han Lin, 2020)

**TRANSKRIP
TEMUBUAL
BERSAMA
PENGKISAH**

5.0 Transkrip Temubual Bersama Pengkisah

NSA: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

AAL: Waalaikumsalam.

NSA: Saya Nur Saiyidatul Athirah, merupakan peneru, penemu ramah encik bagi sesi yang pertama. Berikut adalah temu bual sejarah lisan mengenai latar belakang diri Encik Aisyamuddin bin Abdul Latip dan sejarah Kampung Lubok Batu. Bersama-sama kami ialah Aisyamuddin bin Abdul Latip yang merupakan pengkisah bagi projek kami hari ini iaitu projek sejarah lisan tentang Kampung Lubok Batu. Rakaman ini dijalankan pada tarikh dua, pada tarikh dua puluh tujuh Jun dua ribu dua puluh tiga bersamaan dengan hari Selasa, pada pukul dua tiga puluh lima 2:35 petang bertempat di perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor iaitu merupakan tempat pengajian beliau. Saya akan memulakan sesi meneremu ram... menemu ramah ini dengan bertanyakan soalan tentang latar belakang diri encik. Soalan pertama, apakah nama penuh encik?

AAL: Nama penuh saya Aisyamuddin bin Abdul Latip.

NSA: Baiklah, berapakah umur encik?

AAL: Umur sekarang saya dua puluh lapan tahun.

NSA: Okay [Baik] bilakah tarikh lahir dan tempat lahir encik?

AAL: Tarikh lahir saya lahir tujuh belas Januari sembilan belas sembilan puluh lima hari Isnin, waktu Subuh.

NSA: Di mana?

AAL: Saya menetap, lahir di Kampung Alai, Gemereh, di rumah lah di rumah nenek.

NSA: Okay [Baik], adakah encik masih tinggal di tempat lahir encik atau encik sudah berpindah ke tempat lain?

AAL: Sekarang masih lagi tinggal di rumah nenek lah bila nak Sabtu Ahad memang tidur di rumah nenek lah sebab nenek sekarang sakit *so* [Jadi] kadang-kadang kena urut dia tapi sekarang saya kalau ikut balik balik memang balik ke rumah family [Keluarga], rumah keluarga kat bandar IOI, Bandar Putra.

NSA: Okay [Baik] baiklah, seterusnya apakah yang membuatkan encik berminat untuk belajar dan mendalami ilmu ilmu sejarah pada usia yang muda ini?

AAL: Okay [Baik] untuk sejarah sepatutnya saya rasa bukan bermula dengan minat. sebab saya baru sedar yang sejarah kena terapkan bermula dengan kesedaran sebab minat itu boleh hilang.

NSA: Betul.

AAL: Bila kita sedar, tapi kalau sedar tu kita panggil proses, dia akan sedar tu akan bertambah tambah tambah tambah sebab tu bermula dengan sedar. Jadi masa tu saya mula fikir lah yang bukan dengan berminat tapi dengan kesedaran. Sebab tu sebab saya bila saya fikir balik macam mana saya boleh minat ni bermula daripada kesedaran tu lah sebab saya dalam bidang senibina, jadi kami ada buat macam buat kajian di Ipoh, di Mersing di Pontian lah bandar-bandar kecil ni

macam mana kita nak bangunkan dia jadi masa saya balik tu masa tu saya *degree* [Ijazah] lah. Masa balik tu ke rumah tiba tiba, tiba tiba ayah bagi buku Sejarah Segamat Mitos Bahagia Dua yang ada jual dekat Jalan Haji tu la dekat bandar tu oleh arwah Ungku Zaman. Pastu baru macam eh Segamat ada eh Segamat ada buku. Baru tahu, selama ni tak tahu, mungkin ayah, tap, selama ni tak pernah pun tanya ayah kan kenapa dia bagi buku tu. So [Jadi] kita bila dia bagi kita baca je lah kan sampai ke malam sampai ke pagi subuh saya buat nota, pastu saya tulis berdasarkan arwah punya buku tu kajian dia saya keluarkan kat mana tempat tu kat mana tempat tu pastu pergi lah. Pastu sikit sikit kita sedar kan ayah bawak pergi jumpa orang tu pergi apa, pergi jumpa ni kan baru sedar kan, mungkin ayah, ayah perasan yang saya banyak buat apa, buat kajian, kajian kajian kan tapi kita tak, tak sedar kan tempat sendiri.

NSA: Hmm mmm. (mengangguk setuju)

AAL: Hah kesedaran tu dah ada awal tu sebab buat kajian, tu pun sebab university suruh buat kan. Tapi kita tak tahu kenapa kita buat benda tu, sebab saya dah dapat buku sejarah segamat tu baru kita sedar uishhh, kena buat lah tempat sendiri kan, pastu baru dapat ada ingat lah daripada usia muda, Nasib baik usia muda kan kalau dah, dah hujung-hujung dah tepu otak kan.

NSA: Ni kesedaran lah, dia akan mendorong ke minat macam tu?

AAL: Tak jugak (gelak kecil) minat tu dia boleh datang minat ni boleh berubah-ubah so [Jadi] itu kisah bila guna minat tu.

NSA: Okay [Baik]

AAL: Tapi kesedaran tu dia akan di gilap. Mula-mula saya sedar dari segi rumah-rumah. Lepas tu bila dah kita kaji rumah, eh sedar balik pertukangan takde. *So* [Jadi] dah sedar tu eh kena tengok pertukangan pulak kan. Pertukangan takde eh bahan pulak takde, dah *study* [Belajar] pokok lah pulak kan. (gelak kecil) hah faham tak dia bukan minat, kalau minat tu kita, kita fokus satu tu je kan, tapi minat tu adalah kat minat bahagian rumah-rumah tu minat lah. Tapi kesedaran tu lagi dia lagi menyeluruh. Kita tahu pertukangan takde kita *study* [Belajar] pulak cara menukang (gelak kecil).

NSA: Faham.

AAL: Lepastu kita *study* [Belajar] pulak kayu takde (gelak kecil) kayu apa pulak yang boleh pakai. *So*, [Jadi] *study* [Belajar] pulak kayu. Macam ni dah *study* [Belajar] kat ni pulak dok sibuk pulak siapa yang buat bangunan, dah cari kubur pulak dah cari kubur dah cari sungai pulak (gelak kecil).

NSA: Okay [Baik] faham.

AAL: Faham.

NSA: Okay [Baik] seterusnya sejak bilakah encik menyertai persatuan sejarah ini?

AAL: Saya sertai tahun dua ribu sembilan belas [2011] atas inisiatif pegawai daerah masa tu. Encik Salleh bin Abdul Rahman sebab dia dapat tahu yang kita ada buat apa *group* [Kumpulan] *discussion* [Perbincangan] kat f...*Facebook*. Kat situ dia dapat maklumat lah kan yang eh ada persatuan yang buat bukan persatuan lah maksudnya ada *group* [Kumpulan] ada kumpulan lah yang, yang buat di... di *plan* [rancang] nak tubuhkan sebelum covid la masatu. Lepastu dah covid, dah dia suram balik apa semua tapi kalau nak tahu pasal persatuan sejarah ni dah

tubuhkan lama. Tahun sembilan belas empat puluh tujuh [1947] lagi waktu tu yang tubuhkan penghulu Puntong bin Lajim dia penghulu Jementah. Waktu tu dia nak tubuhkan tu sebab jadi isu politik zaman tu sebab dia nak keluarkan Segamat daripada Johor jadi dia perlukan sokongan tu yang dia tubuhkan persatuan ni untuk dapatkan maklumat tanpa perlukan keluar daripada Johor maksudnya dia nak jaga diri sendiri lah.

NSA: Kiranya pertubuhan tu masa tu kira orang-orang.

AAL: Segamat jugak... orang Segamat dan orang Muar sebab dia, dia bangkitkan isu pasal yang Segamat dulu ni dia ada raja dia sendiri. Surat-surat tu kita dapat jumpa dekat Johor ehh Arkib Johor.

NSA: Ada?

AAL: Ada, Arkib Johor. Saya ada jumpa surat tu lepastu kita baru tahu la sebab masa tu politik zaman tu politik zaman tu lepastu bawak ke tahun lapan puluh an arwah Cikgu Hassan Muhammad dia ada buat buku Adat Resam Melayu Segamat tu ha dia pulak tubuhkan balik semula ha tubuhkan balik semula buat, buat kajian pasal adat-adat resam kan pastu dia *down* [Turun] balik semula. Dia *down* [Turun] dia suram semula arwah Ungku Zaman pulak cikgu jugak hah tu yang dia buat buku apa Mitos Segamat Dan Mitos Bahagian Satu Dan Dua. Masatu dia bekerja dengan yayasan pelajar apa ni Yayasan Warisan Johor hah masa tu lah pastu dah suram balik baru lah dia naik balik (gelak kecil) dia ada turun naik dia.

NSA: Pasang surut...

AAL: Hah betul tapi dia masih *okay* [Baik] lah dia masih bergerak lagi maksudnya dokumentasi tu masih bergerak dia jalan macam terus.

NSA: Takde lah ketinggalan.

AAL: Hah betul.

NSA: *Okay* [Baik] seterusnya apakah jawatan yang disandang dalam persatuan sejarah?

AAL: Sekarang saya sandang masa kita buat persatuan tu saya dapat lantikan daripada Pegawai Daerah semua cadangan setuju lah masa saya jadi Pengarang Kehormat sebab dia tahu saya minat menulis, mengkaji jadi jawatan Pengarang Kehormat ni memang kalau kita ada buat *report* [laporan] kita dapat maklumat kan macam baru-baru ni kita jumpa rumah batu dekat Kampung Mengkuang, Paya Mengkuang dekat Bukit Tunggul kan dekat Jementah tu *so* [Jadi] kita kena buat *report* [laporan] apa semua kita ada buletin hah buletin yang keluarkan.

NSA: Persatuan sejarah ni kiranya encik antara orang yang paling muda lah?

AAL: Paling muda (gelak kecil).

NSA: Ke ada orang lain yang macam.

AAL: Takde (gelak kecil).

NSA: Takde.

AAL: Saya berkawan dengan orang tua.

NSA: Okay [Baik] faham okay [Baik] apakah usaha encik dalam menyebarkan fakta-fakta sejarah kepada masyarakat umum?

AAL: Mula-mula saya sebarkan daripada *Facebook* tu je yang cara mudah kan pastu masa tu *Facebook personal* [Peribadi] lah *Facebook saya personal* [Peribadi] pastu ada yang mencadangkan buat *group* [Kumpulan] lah tahun...tahun dua ribu empat belas [2014] tu kita buat *group* [Kumpulan] *Facebook* kita... dapat maklumat kita sebarkan benda tu dekat *Facebook* lah mana yang kita dah jumpa kita simpan dulu bila dah kumpul dah banyak sikit baru kita keluarkan hah pastu dah tersebar sikit-sikit kan orang pun dapat bagi *input* [Masukan] orang pun ada komen kan beritahu ni salah ni ada yang fakta yang tak benar kan hah itu lah dia.

NSA: Macam-macam maklumat.

AAL: Macam-macam maklumat yang kita dapat kan itu yang kita kumpul tu ada yang oh baru tahu kan ada yang baru ada yang baru sedar macam oh dia baru tahu yang tu mak dia tu sepupu dengan apa dengan mak dia. Sebab dia komen kat situ kan. Eh mak kau kenal mak aku hah gitu kan.

NSA: Macam berkait gitu.

AAL: Hah berkait. Jadi pun macam adalah sampai ada yang saya rasa masih gembira adalah ada sampai buat apa koperasi keluarga. Sampai macam tu sekali kan sebab ni pun macam sebab kesedaran sebab eh kumpulkan lah buat apa *group* [Kumpulan] koperasi kan ha keluarga kan buat tu, tu yang paling tu lah saya paling saya rasa ni lah macam takpe lah takde duit pun tak pe lah yang penting keluarga tu.

NSA: Dapat macam menyatukan keluarga tu balik.

AAL: Hah betul.

NSA: Okay [Baik] seterusnya berapakah anggaran bilangan pengikut dalam group [Kumpulan] Facebook tu pada masa kini?

AAL: Masa kini ada dua belas [12] k lah. Dua belas ribu orang. Tu semua *silent* [Diam] lah (gelak kecil) baca je lah tapi kalau yang sebab kita kat *Facebook* kita ada statistik tau berapa yang aktif. *So* [Jadi] kat situ kita Nampak ada dalam tujuh ratus lima ratus je [Sahaja] yang aktif yang rajin *like* [Suka] rajin komen rajin *view* [Lihat] hah dia ada statistik. Kat situ lah kelebihan *group* [Kumpulan] *Facebook* ni dia ada data berapa banyak *group* [Kumpulan] eh banyak perempuan yang masuk umur berapa kita boleh tengok macam tu [Itu] sebab kita admin kan kita boleh tengok.

NSA: Okay [Baik] sebelum ini encik ada menyatakan tentang sampul raya dengan lukisan Segamat di belakangnya info sejarah kan?

AAL: Ohh ya betul.

NSA: Berkenaan sampul tu encik jual ke atau pun simpan kea tau macam mana?

AAL: Mula-mula buat untuk keluarga lepastu bagilah dekat sedara-mara lah kan lepastu *post* [Siar] lah dekat *Facebook* apa semua macam eh ada nak ada nak ada nak kan lepastu nak eh mana boleh nak, nak kena jual takkan nak boleh nak kan jadi masa itu dah nak lagi dua minggu nak raya wah cepat-cepat lah lukis apa semua buat *print* [Cetak] balik kan *print* [Cetak] sendiri pakai kertas biasa je *print* [Sendiri]

sendiri lepastu gam lah buat template apa buat template sampul raya sendiri kan gunting apa semua buat lah potong malam tu jugak hari malam raya tu lah ada lagi orang yang nak beli pastu kita potong lagi.

NSA: Jual lah?

AAL: Jual.

NSA: Kira berapa ringgit itu?

AAL: Masa tu ada dua belas [12]... dua belas [12] keping kira masatu macam sesuai lah enam ringgit macam tu lah. Pastu jual belakang tu adalah *part part* [Bahagian] sejarah berdasarkan lukisan tu kana masatu lah kita buat tapi masatu kita buat *print* [Cetak] sendiri memang yang sikit pun kita boleh *print* [Cetak] banyak, banyak, banyak sejarah lah maksudnya banyak lukisan masatu dua belas keping tu masing masing ada lukisan sendiri tapi masa dah raya tahun baru pulak bila kita nak pergi kedai *print* [Cetak] masatu tak boleh lagi mahal *so* [Jadi] kena ada dapat empat, empat lukisan je sebab dia nak untuk *print* [Cetak] banyak untuk *print* [Cetak] sikit tu jadi mahal kos dia jadi kita dapat *print* [Cetak] tu je lah empat je tapi yang awal pertama tu *print* [Cetak] sendiri lagi banyak sejarah ada sejarah STS, Sekolah STS dia ditubuhkan jalan Rantau Panjang sekarang Jalan Sultan lah kita masukkan sejarah Jalan Layang oleh Bandar Segamat lah asal masjid lama Segamat semua fakta tu belakang tu.

NSA: Belakang sampul la.

AAL: Lepastu lepas kita dah kita dah apa dah jual tu so orang tu pergi *post* [Siar] balik kat *Facebook* kan pastu orang-orang ada nak beli lagi kan pastu ada oh ni la sejarah

dia berdasarkan sampul raya tu dia dah boleh rapatkan dia boleh sambung-sambung sepupu ni tengok sepupu ni tengok hah menarik lah.

NSA: Dapat menarik pun dapat maklumat pun dapat kan dan sebelum ni encik ada cakap tentang siarkan penulisan dan kajian dekat surat khabar kan macam Sinar, Berita harian semua ada kan?

AAL: Ada ada.

NSA: Kiranya berapa lama encik amik masatu untuk menulis kajian dekat surat khabar tu?

AAL: Surat khabar tu dapat tahu berdasarkan *group* [Kumpulan] *Facebook* tu la maksudnya tahun dua ribu empat belas [2014] tubuhkan *group* [Kumpulan] *Facebook* tu pastu dua ribu enam belas [2016] hampir dua tiga tahun gitu lah baru wartawan dapat maklumat kan benda tu kan Segamat ni ada, ada orang yang mengkaji lepastu yang mula Sinar Harian datang, Sinar Harian datang masatu hampir satu bulan dia kata Aisyam kau kena cari data fakta apa semua pasal Segamat tak kisah lah mana-mana tu lah sekali tu masatu saya dapat lah *income* [Pendapatan] dia bayar (gelak kecil) lepastu lepas tu bayar lah pastu siar dekat Sinar Harian apa semua kan sejarah jambatan putus, jambatan belakang Segamat rumah Limas pastu datang Kosmo pulak nak pulak Kosmo pulak nak cerita tu pastu Sin Chew Daily apa semua kan Chinese punya surat khabar kan.

NSA: Ohh Chinese pun ada jugak lah.

AAL: Ada pastu dari situ lah dapat siarkan fakta-fakta tu semua orang beli lah pastu macam eh ramai jugak orang beli sebab orang pergi *post* [Siar] kat dalam *group* [Kumpulan] *Facebook* kan macam ohh kan bila dengar sejarah tu surat khabar tu

boleh dijual lagi (gelak kecil) tapi dia ada golongan yang tertentu je lah kan yang minat-minat betul sebab orang nak beli nak simpan nak letak dalam *frame* [Bingkai] lah.

NSA: Seterusnya encik ada simpan lagi ke keratan surat khabar tersebut?

AAL: Oh, masih masih simpan.

NSA: Okay [Baik] seterusnya apakah sumbangan atau pencapaian tertinggi encik dalam bidang sejarah ini?

AAL: Taktahu lah sebab sebab *target* [Sasaran] saya pencapaian tertinggi saya adalah saya nak bukap rumah, rumah Limas tu saya nak letak lot kat rumah taman saya nak buat rumah saya maksudnya beli rumah taman lot kosong lah macam kat IOI kan ada tanah lot kosong kan jadi beli rumah Limas ni letak atas tanah lot kosong tu maksudnya bukan rumah batu lah rumah Limas tu letak dekat tengah tu pastu ada lagi dua saya mintak cop ayah saya tapi tak nak buat lagi buat beli satu rumah lagi rumah Limas Segamat buat sewakan gerai lah taman rekreasi tu kan kat Kampung Jawa kat Batu Ampar tu kan kita sewakan buat buat gerai lah pastu bawah gerai atas tub oleh makan ke apa kan tu lah *target* [Sasaran] saya tapi tak capai lagi sebab masa sekarang yang saya rasa yang dah sampai yang tinggi saya dah dapat buat apa perbincangan mesyuarat dengan majlis lah dengan persatuan arkitek macam bandar kan untuk *develop* [Membangunkan] bandar Segamat ni rancang betul-betul lah berdasarkan sejarah hah bukan berdasarkan terkini berdasarkan sejarah (bunyi kerusi ditarik) pastu boleh guna untuk projek yang sekarang lah macam contoh saya cadang buat sejarah yang kita kumpul ni buat papan tanda kat setiap jalan lah macam ni jalan ni hah siapa nama dia Hah macam tu hm macam tu lah. Pokok-pokok tanam semula bukan sebarang pokok tanam pokok yang macam pokok tempatan sendiri pokok Segamat sendiri macam pokok

kapeh, Sungai Kapeh kan tapi Sungai Kapeh tinggal Sungai Kapeh je pokok kapeh dah takde *so* [Jadi] kita tanam balik.

NSA: Macam ada kaitan lah dengan tempat tu.

AAL: Betul hah pastu kita kenalkan sejarah tu untuk tu ramai tak perasan benda-benda ni kan pastu macam ada cadang lagi macam mana nak hidupkan Bandar Segamat yang lama ni kita cadang masa buat mesyuarat tu kita gunakan bangunan Drang Mas yang tinggi kat bandar Segamat tu untuk UiTM labur kat bangunan tu untuk *student* [pelajar] duduk dalam tu *so* [Jadi] bawah tu tempat student boleh niaga *student* [pelajar] boleh makan bawah tu.

NSA: Untuk hidupkan balik la.

AAL: Betul, biar ada penghuni dalam bandar baru kafe-kafe kat situ boleh hidup sungai hidup, taman rekreasi hidup hah tula yang kita cadang tu yang saya rasa macam oh boleh dapatkan dengan suara berdasarkan kita punya kajian kan *so* [jadi] dia tak, tak habis gitu lah kitab oleh guna kajian ni untuk maju-majukan balik bandar tu. Tu yang buat masa ni saya rasa tu lah yang paling tinggi tapi ada yang lagi tinggi yang awal tadi tu.

NSA: *Okay* [Baik] faham, *Okay* [Baik] seterusnya kita akan bercakap tentang latar belakang Pendidikan encik, boleh encik kongsikan perjalanan Pendidikan encik daripada sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tertinggi?

AAL: *Okay* [Baik], saya sekolah rendah masa tadika dulu lah tadika saya sekolah er tadika kemas tadika kemas saya masuk umur empat tahun pastu sampai saya lima eh enam tahun hah enam tahun pastu tujuh tahun tu masuk sekolah rendah lah darjah satu, masuk darjah satu sekolah Gemereh lah tadika kemas tu pun kat

Gemereh jugak dekat kampung jugak sampai lah darjah enam, darjah enam sambung kat Sekolah Bandar IOI sebab keluarga dah pindah kat IOI hah masatu orang panggil saya Aisyam, Aisyam, nama Muddin tu orang kampung je yang panggil tu pasal korang tak boleh panggil nama Muddin sebab senang nak tahu kalau lupa oh ni orang kampung lama, Aisyam ni zaman sekolah menengah (bunyi orang bercakap di telefon). Dari sekolah menengah daripada tingkatan satu sampai dah tingkatan enam eh tingkatan lima sambung belajar kat dapat tawaran *Civil Engineering* [Kejuruteraan] kat Politeknik, Politeknik Premier Salahuddin Shah kat Shah Alam sebab masa awal nak daftar tu dia kata boleh tukar politeknik lain sebab nak masuk *architecture* [Seni bina] tu tapi dah sebulan proses macam tu je tak boleh bila tak boleh tu berhenti lah (bunyi orang berbual di belakang). Berhenti sambung lah UTM sampai lah ambil bidang *architecture* [Seni bina] dapat sampai lah sekarang ni *Master* [Sarjana].

NSA: Okay [Baik] seterusnya apakah yang mempengaruhi encik untuk memilih bidang tersebut dalam peringkat universiti?

AAL: Okay [Baik] kenapa saya pilih *architecture* [Seni bina]?

NSA: Ya.

AAL: Dalam bidang sejarah saya pun banyak dalam *architecture* [Seni bina] jugak kan rumah rumah Limas. Saya minat daripada sekolah, sekolah tadika lagi saya minat dengan lego apa, lego apa.

NSA: Bina lego?

AAL: Hah bina lego tu kan kita dapat, tak tahu lagi *architecture* [Seni bina] tu apa kan tapi kita dah nampak bila kita dah masuk, masuk *degree* [Ijazah] masuk diploma

kan kita *remind* [Ingat] balik kan kenapa kita pilih bidang ni kan, kan *stress* [Tekanan] kan (gelak kecil) pastu fikir balik kan kenapa kenapa kan sebab kita dapat baru dapat sedar yang bila fikir balik masa tadika kita dah, dah minat dengan lego-lego ni kan sebab ayah selalu beli kan. Ayah banyak *influence* [Pengaruh] lah dalam hidup ni (gelak kecil). Dia banyak dia dah nampak kita dari kecil kan *so* [Jadi] dia dah beli benda benda kecil ni kita tak minta pun. Masatu saya ingat lagi beli dekat Dataran Segamat masatu ada festival apa kan pastu ada orang jual lego kan pastu tiba-tiba ayah beli, tak minta pun *so* [Jadi] dalam kepala otak dah balik dah fikir macam mana nak susun bangunan kat rumah, rumah tu ada meja kan rumah nenek masatu duduk ruamh nenek dah fikir dah apa benda nak buat bangunan ni, masatu dah tak fokus belajar dah...dah fokus apa benda aku nak buat kat rumah ni kan nak buat jalan macam ni ke dah nampak dah.

NSA: Dari kecil lah?

AAL: Daripada kecil masatu tadika tu pastu dah *develop develop* [Membangunkan]sikit dah minat melukis pulak tapi bukan melukis bangunan, melukis komik hah lukis komik kan sikit sikit lah lukis komik hah sampai la boleh jual kat sekolah...sekolah rendah darjah lima lah masa tu kan dah apa nama ni pastu kawan-kawan cakap eh nak beli nak bel ikan diorang nak *colour* [Warna] kan jual lah satu lukisan tu tiga puluh sen balik rumah tu penuh duit syiling dalam beg (gelak kecil) pastu ada pengawas dapat tahu yang ada jual-jual kan habis duit tu kena rampas degan cikgu pastu ye lah masatu kita takde isu pasal apa...pentingnya jual beli kat sekolah tu kan, dulu tak boleh jual beli dekat sekolah (gelak kecil) sekarang budak-budak boleh jadi sikit lah dah nampak sikit pastu dah minat melukis bangunan pulak, buat model, buat model pakai kadbod sebab masatu ikut ayah pergi...pergi pejabat dia nampak lah model-model Bandar Segamat tu kan besar kan pastu kecil kan model-model kecil tu pastu balik dah fikir dah eh aku nak buat jugak balik ni pastu fikir la pakai apa pastu tiba-tiba akak ada... akak budak pandai kan dia minat *math* [Matematik], minta lah di kertas graf tu sebab kertas graf tu kan ada kotak-kotak kan pastu kita potonglah berdsarkan bentuk bangunan tu kan hah beli lah eh minta lah akak gunting buat bangunan model lah

sikit-sikit lah dia *develop* [Membangunkan] tapi tak tahu lagi lah *architecture* [Seni bina] tu takde, ayah pun tak terangkan apa kan sekolah pun tak terangkan tu apa itu lah sikit-sikit pastu masuk sekolah menengah ambil lukisan kejuruteraan LK hah syok lah pakai protector tu kan oh, oh layan lah sampai malam pun buat lagi. Buat lagi, ayah pun pandai benda semua tu kan ayah ambil jurutera, Pembantu Jurutera *so* [Jadi] ajar lah ajar sikit ohh menarik lah ajar-ajar orang buat eclipse apa semua situ la sikit minat kan pastu sekolah pulak nampak kita ada potensi dah dia apa buat pertandingan antara sekolah-sekolah dekat Segamat tu.

NSA: Pertandingan?

AAL: Tu lah lukisan kejuruteraan tu. Dapat anugerah pulak kan pastu masa SPM dapat A+ pastu kat Sekolah Bandar Putra ada tiga orang je A+ lukisan kejuruteraan. Sekolah lain ada jugaklah sekolah STF ada jugak tu la sikit sikit *develop* [Membangunkan] pastu tu yang sambung kalau boleh nak hah tu lah cabaran dia kita nak apa yang kita nak tak dapat *so* [Jadi] kita sambung *civil* [Jurutera] sebab fizik dengan kimia tu tak bagus kan itu yang dia nampak lukisan kejuruteraan tu A+ tu yang dia fikir kita minat *civil* [Jurutera], kita tak minat sains, itu yang dia letakkan kita masa UPU tu kat sekolah eh Politeknik Premier tu civil tu pastu tak dapat tukar hah tu lah cabaran dia terpaksa masuk ni la mana yang ada tu dapat UTM, itulah minat dia sikit sikit dia *develop* [Memabngunkan].

NSA: Daripada kecil semua.

AAL: Daripada kecil tapi dia pelbagai lah dia model, lukisan komik, tu lah.

NSA: Seterusnya kita akan tanya tentang maklumat ibu bapa dan keluarga, apakah nama ibu dan juga bapa encik?

AAL: Ibu Zawiyah binti Zakaria sekarang umur lima puluh enam, ayah Abdul Latip bin Idris sekarang umur lima puluh sembilan dua bulan ni dia pencen lah bulan dua ni bulan dua tahun depan pencen.

NSA: *Okay* [Baik] apakah pekerjaan ibu bapa encik?

AAL: Ibu sepenuhnya suri rumah lah mendidik anak sampai lah anak semuanya jadi bagus (gelak kecil)

NSA: Berjaya sampai sekarang lah.

AAL: Hah sebab tu saya kalau ada nak cari rumah cari orang rumah yang suri rumah jugak (gelak kecil). Tak nak suruh dia kerja sebab kita tahu bila tanya kawan yang mak bapak dia kerja kan dia rasa tak seronok hah *so* [Jadi] bila dah nampak ni kan kita tanya kawan-kawan kan yang mak dia memang kerja kan keluarga tu takde. Takde *bonding* [Ikatan].

NSA: Tapi sekarang perempuan semua bekerja.

AAL: Hah tahu faham tapi tu nak buat macam mana, *follow* [Ikut] je lah kan tapi tahu anak tu dah rasa macam tu kan macam mana kena *survive* [Bertahan] lah kan, bapak kerja penolong jurutera.

NSA: *Okay* [Baik] seterusnya adakah encik sudah berkahwin?

AAL: Belum lagi, belum fikir lagi (gelak kecil).

NSA: Berapakah bilangan adik-beradik encik dan encik anak yang ke berapa?

AAL: Bilangan semua enam seimbang lah tiga lelaki tiga perempuan saya yang ke empat.

NSA: Okay [Baik]adakah ahli keluarga encik yang lain mempunyai aliran kerjaya yang sama seperti encik?

AAL: Oh takde, tapi akak dua orang pandai melukis, pandai menjahit, minat fesyen, ada seni lah hah abang dia tak berminat sangat, tapi dia minat teknikal lah benda-benda yang *repairing* [Membaiki] kereta motor tu kan *aircond* [Penghawa dingin] benda-benda yang servis. Adik pulak minat seni-seni yang macam *photographer* [Jurugambar], *videographer* [Juruvideo] tapi adik yang lagi bongsu sorang ni perempuan dia tercampak sikit jauh lah sekarang dia *form two* [Tingkatan dua] lah tak nampak lagi lah dia minat apa tengok *tiktok* je (gelak kecil).

NSA: Seterusnya kita akan berpindah kepada soalan asal-usul pembukaan Kampung Lubok Batu. Soalan pertama apakah kisah di sebalik nama kampung Lubok batu?

AAL: Kisah Lubok Batu ni awal lama tahun lima ratus yang lalu dah ada manuskrip yang mengatakan Lubok Batu ni daripada Sulatus Salatin Hikayat Tun Sri Lanang lah dia yang menulis Lubok Batu, masatu Segamat pun takde nama lagi. Dalam manuskrip tu pun takde sebut Segamat dalam manuskrip tu sebut Lubok Batu sahaja dan cerita ni bermula daripada Bendahara Paduka Tuan, dia Bendahara Melaka lah dikatakan Bendahara Melaka yang terakhir lah selepas di serang oleh Portugis jadi dia berundur sampai lah ke, dia berundur melalui hutan lah melalui gajah dengan Silamat Gagah, ada yang kata silamat gajah, taktahu mana satu pastu dengan menantu Hang Tuah iaitu Hang Nadim dengan anak dia Khoja Ahmad, anaknya, hah tandu lah dalam hikayat tu mengatakan Tun Sri Lanang tu dalam Sulatus Salatin dia kata Bendahara Tepok ni dia dah uzur umur dia dah lapan puluh lebih lapan puluh enam macam tu dah takde gigi (gelak kecil) hanya gigit

apa...makan sirih, sirih pun anak cucu yang buat dia kata dah tak berdaya lagi tapi kalau ikut sejarah Bendahara Tepok ni hebat, dia sampai ke Aceh berperang untuk tolong Aceh sampai digelar jawatan Tun Pikrama, Tun Pikrama ni orang-orang yang bukan senang nak dapat, dia orang-orang yang berjasa besar jadi dia dapat Tun Pikrama tu baru dia di lantik Bendahara. Jadi dia dah tua, tandu dia dapat penyakit lumpuh. Taktahu dia dapat penyakit lumpuh tu tahun bila tapi dalam hikayat tu dia beritahu la dia dapat penyakit lumpuh dah tepok lah kaki dia tak boleh gerak. Dia bukan strok, strok lain. Dia memang lumpuh lah penyakit lumpuh, strok ni dia lain kan jadi dia dah jalan mengesot lah jadi masa kena serang tu dia kena tandu lah masa dia nak tandu tu dia kalau boleh nak mati kat situ kat Melaka tu juga tapi dibawanya juga bendahara ni sampai la ke Segamat, bawak sebab kena takut mungkin betul jugak dia bawa, kalau dia tak bawa, sejarah tu takde lah sebab dia mati kat situ denga batu nisan takde kesan pun takdejadi bila dia dah bawak alhamdulillah lah dia rekod tu yang kita ada jumpa batu nisan akeh kat Lubok Batu jadi masa dia bawak tu sampai la ke hulu berlubang eh hulu Jementah, hulu Jementah ni nama Bukit Berlubang hah dia bawak lah sampai ke situ yang cerita Bukit Berlubang dengan hulu Jementah ni daripada RO Windstedt, RO Windstedt ni dia General Advicer Johor dia orientalis lah dia yang rekodkan sejarah-sejarah Melayu, masa tu tahun sembilan belas tiga puluh dua [1932] jadi kita dapat tahu maklumat tu daripada buku jurnal dia lah dia *interview* [Menemu ramah]orang-orang kampung jadi bila dia *interview* [Menemu ramah] orang-orang kampung baru dia dapat tahu yang Bendahara Tepok ni lari ke Bukit Berlubang, tapi taktahu lah *interview* [Menemu ramah] tu betul ke tak kan dia hanyalah lisan orang kampung dekat situ, tapi memang betul memang ada peta Datuk Bentara Luar tahun sembilan belas kosong tujuh [1907] memang ada dilukiskan kat Gunung Ledang tu Hulu Jementah tu ada nama Bukit Berlubang hah memang ada Bukit Berlubang tu wujud cuma sama ada dia pergi tu kita tak tahu lah hanya lisan yang direkodkan oleh RO Windstedt ni jadi sampai lah dia ke Jementah bawa lah sampai ke Sungai Segamat sebab tu dikatakan Sungai Segamat ni boleh tembus ke Linggiu, Linggiu Kota Tinggi ikut jalan hutan lah.

NSA: Memang boleh lah orang dah pernah.

AAL: Betul, boleh, ada Harry Lake, Harry Lake ni dia orang, orang France rasanya dia tahun lapan belas lapan puluh tujuh [1887] dia pernah jelajah satu Johor eh ikut, ikut sungai ikut laluan orang asli hah boleh tembus ke Linggiu, dalam *map* [Peta] dia *locatekan* [Cari] laluan dia tapi bukan senang lah sebab dia kena minta bantuan orang, orang Jakun ni la orang asli rupanya boleh lalu tembus ke kota Johor lama la Kota Tinggi, pastu boleh ke Bentan masatu dia tak boleh ikut sungai, dia ikut laut sebab nanti dia kena serang *so* [Jadi] dia ikut jalan belakang tapi jauh lahtu yang dia ikut ke Sungai Segamat, jadi masa dia singgah ke Sungai Segamat tu dia tanya kepada Silamat Gagah kan dia nak minum pastu Silamat Gagah ambil dan dia apa cupakkan untuk dia minum air tu kan, bila dia minum segar air tu kan dia tak pernah rasa sesegar tu sebab masa tu kalau dia tengok eh Hikayat Malim Deman dia kata dia Sungai Muar ni dulu kotor tau bayangkan maksudnya bila Sungai Muar ni kotor, ada penduduk lah ada aktiviti apa aktiviti lah aktiviti perdagangan apa semua kan jadi Melaka pun sama kotor sebab aktiviti perdaganagn Suungai Melaka tu jadi bila dia minum Sungai Segamat ni segar maksudnya kita dapat takrifkan kat situ Sungai Segamat ni takde orang duduk lah memang takde aktiviti apa-apa, kosong jadi dia tanya pada Silamat Gagah tu apa nama tempat ni *so* [Jadi] dia tak tahu tembaga apa taktahu jadi dia ambil campakkan batu tu, tu yang dia kata campak batu tu kalau batu tu timbul dia balik Melaka tapi batu mana boleh timbul (gelak kecil) jadi batu tenggelam dia tinggal eh batu tu timbul dia tinggal, batu tenggelam yang dia balik eh batu tu tenggelam yang dia tinggal eh, batu tenggelam yang dia akan tinggal, batu tu timbul yang dia akan balik jadi batu tu tak timbul (gelak kecil)

NSA: Memang akan tenggelam lah.

AAL: Memang akan tenggelam lah. Tapi taktahu lah mungkin orang dulu-dulu memang tulah tu lah dia kan masa tu lah syarat dia yang batu tu akan timbul, jadi batu tu tenggelam tu yang dia tinggal kat sini dia namakan tempat tu dulu Lubok Batu sebab batu tu banyak, jadi orang-orang kata Segamat dulu, tak. Lubok Batu tu dulu. Pastu yang fakta dia berdasarkan Tun Sri lanang punya catatan Lubok Batu tu dulu.

Tu yang kita panggil Bendahara Lubok Batu, Bendahara Tepok ni masa zaman dia dalam istana orang dah panggil dia Bendahara Tepok, tapi dalam kalangan keluarga dia lah, Tun Tepok, Tun Tepok, dia dah tepok kan tapi orang luar panggil dia Bendahara, Tun Paduka Tuan, orang awam lah yang panggil dia Tun Paduka Tuan jadi masa dia dah kat Segamat dia dah buat penempatan dah orang asyik terpanggil dia balik Bendahara Lubok Batu, bendahara gelaran lain kan Bendahara Lubok Batu sempena dia namakan tempat tu apa Lubok Batu. Pastu dia dah minum air tu dia tanya balik air sungai apa kan kita dah lah taktahu sungai apa tu yang dia bahasakan dia minum air segar tu.

NSA: Segar amat.

AAL: Tapi tu lisan lah yang dikaji oleh R.O Windstedt tahun sembilan tiga puluh dua [1932] tu pastu dia di jurnalkan *so* [Jadi] tu yang sampai sekarang orang gunakan fakta tu lah.

NSA: Kiranya macam Lubok Batu tu dulu baru Segamat.

AAL: Betul, tapi dinamakan tu bukan Segamat tau dia namakan sungai tu dulu.

NSA: Sungai ohh sungai.

AAL: Tapi dia tak panggil lah sungai segar amat, dia panggil se amat sempena sungai tu *so* [Jadi] nama Segamat ni dia kemudian untuk bandar nama tempat, sebab orang keliru antara tempat dengan sungai mana dulu sebenarnya orang terlupa yang sungai tu dulu sempena di minum sebab tu dipanggil Sungai Segar Amat, sebab tu sekarang dipanggil Mukim Sungai Segamat, dia tak panggil Mukim segamat, sebab asal tu sungai tu dulu.

NSA: Ohh memang sungai dulu kan.

AAL: Memang sungai dulu tapi nama tempat Lubok Batu dulu jadi tu yang dinamakan Sungai Segamat, macam mana dia segar amat tu, tu yang dikatakan tinggal kat situ menetap empat tahun hah itulah kisah macam mana awal permulaan Segamat.

NSA: K. Seterusnya apakah ejaan yang tepat sebenarnya. L-U-B-O-K ke atau L-U-B-U-K.

AAL: Yang tepat L-U-B-O-K sebab, (bunyi kerusi ditarik) dalam manuskrip Tun Sri Lanang tu, yang Bahasa Jawi. Lam, wau tu. Wau tu kan orang keliru sekarang, bila rumikan antara U atau O. Tapi kalau kita pegi Kedah, orang panggil Lubuk.

NSA: Yelah, dia punya...

AAL: Kalau Johor, Melaka, Lobok apa Lubuk, bok, kereta eh apa robok jadi robok kan. *So*[Jadi], bunyi tu dah loghat lah. Dia loghat. Dia takde isu pun, U ke O ke kan. Tapi bunyi tu, kita tau la tu Lubok tu ha tu ah. Masa zaman nak dirumikan, banyak nama-nama salah... apa? Salah tafsir macam Husin. H-U-S-I-N ada yang H-U-S-S-I-E apa? E-I-N. Orang tak tau nak rumikan macam mana.

NSA: Bunyi perkataan tu kan?

AAL: Iye. *So* [Jadi] jadi isu konflik kat situ la bila kita nak dirumikan. Sebab awal tu pun dalam Bahasa Jawi. Tu je la isu dia, takda la abende sangat pun. Tapi apa yang kita faham, lubok tu bentuk lubok la. Lubok yang penuh dengan batu dalam sungai.

NSA: K. Apakah sumber pendapatan utama penduduk Kampung Lubok Batu pada masa dahulu.

AAL: Masa tu, pada awal memang kita memang takde data la. Tapi kalau kita tengok, lihat balik dalam catatan Cikgu Haji Abdul Ghani dengan Cikgu Arshad Mohammad kebanyakan diorang, orang kampung ni, memang untuk sara diri je. Tanam untuk hidup je. Bela ayam untuk keluarga. Sekarang bela ayam susah. Ayam pun jadi isu. Dulu ayam bela sendiri, lembu bela sendiri. Sawit, eh apa, ni apa, padi, makan beras semua tanam sendiri. *So* [Jadi], dia takde isu ekonomi tu takde. (bunyi orang mengetuk meja) Memang nampak dulu dhaif kan rumah macam ni. Tapi dia takde isu stress tu takde sebab makanan sentiasa cukup. Sebab dia sendiri yang ternak, dia sendiri yang proses, dia sendiri yang ada kebun, dia sendiri yang ada tanah. Jadi, apa keperluan untuk buat ekonomi?

NSA: Betul, betul jugak.

AAL: Dia takde isu tu. Sampailah dia perlu, dia terasa ekonomi tu bila British mula masuk memperkenalkan apa... barang-barang jualan luar. *So* [Jadi], dia nak beli, nak rasa jugak barang-barang luar tu kan. Jadi, *so* [jadi] dia kena kerja lah. Masa tu lah tanaman dah jadi getah sebab nak jual. Getah dulu jual kan? Pastu ada yang dia... dia jual dengan Cina kan? Hasil-hasil dia jual dengan Cina. Pastu dah dapat duit sikit-sikit lah.

NSA: Kay [Okay]. Macam mana keadaan atau suasana masa awal pembukaan?

AAL: Masa awal pembukaan memang takde orang lah, memang hutan belukar lah. Cuma yang strategik masa kenapa Bendahara Tepok berhenti kat... kat Lubok Batu sebab dikatakan sungai yang landai. Macam pasir macam... *okay* [baik] eh beza eh. Kalau sungai Muar dipenuhi dengan lumpur. Sungai Segamat penuh

dengan pasir. Dah macam tepi laut, pasir yang putih. Sebab tu sekarang ni ada yang nak gazetkan supaya sungai Segamat takde lagi korek pasir.

NSA: Sekarang ada lagi ke?

AAL: Takde dah. Yang ada kat Muar je lah. Korek pasir tapi pasir dia pun, korek-korek pasir kang jumpa yang tanah liat tu. Susah la, nak kena tapis, banyak keje. Tapi nak taknak, situ je ada kan? Jadi, masa tu la bentuk permukaan geografi waktu tu kan yang kita dapat berdasarkan gambar sebelum taman Bendahara tu di bukak, taman Bendahara tu ditambak. Ada satu gambar tu, daripada atas kita nampak landai je tempat tu. Maksudnya cerita... buku... dalam... buku arwah Cikgu Haji Jiman tu memang betul lah. Memang orang kata, pasir tu putih, landai, memang kalau perahu tu *parking* [parkir] tu memang macam laut. Sebab tu Bendahara Tepok pilih kawasan tu.

NSA: Okay seterusnya bagaimanakah reaksi penduduk ketika awal pembukaan?

AAL: Oh yang ni takde sebab awal pembukaan pun orang takde.

NSA: Maksudnya penerimaan penduduk dekat situ pun, kita tak tahu lah.

AAL: Tak tahu. Kita takda rekod tahun seribu lima ratus sebelas [1511] tu, kita takda rekod.

NSA: Seterusnya, bagaimanakah gaya hidup masyarakat pada awal pentadbiran?

AAL: Awal pentadbiran memang zaman tu, Melaka, memang bawah Bendahara Tepok memang bawah pemerintahan Melaka. Jadi, lepas empat [4] tahun dia meninggal tu, dia buat serangan semula. Jadi, Segamat ni macam tempat penginapan dia je. Untuk dia susun strategi serang balik Portugis. Jadi, lepas Portugis kalah, dia ada ruang kosong dekat situ, dia ada masa. Dia takda cite dah pasal Segamat. Faham tak? Dia dah ada garis masa yang terlopong dekat situ. Sampailah ada raja-raja melewar daripada Negeri Sembilan ni, nak kuasa dalam Negeri Sembilan, ni. Sebab tu lah, kita dapat dapat jumpa manuskrip-manuskrip macam Temenggong Muar dilantik penghulu, penghulu bawah dia ada batin... Tok Batin kan. Tok Batin ni akan jaga kampung ni lah. Dia ada suku Mungkal, suku Biduanda, suku tiga puluh tiga [33] suku Mungkal, suku orang-orang Minang. Ha, jadi mereka yang tadbir corak kawasan Segamat tu.

NSA: Maksudnya mereka mengamalkan adat Temenggong lah?

AAL: Adat Temenggong, orang atas je. Orang bawah mengamalkan adat Perpatih.

NSA: So [Jadi]...

AAL: Tu kelebihan Segamat. Dia... dia boleh... dia boleh... seimbang antara adat Temenggong dan adat Perpatih. Dia ada kelebihan dekat situ. Sebab tu kalau kita pergi makam Bendahara Tepok tu, kat Lubok Batu tu, kita akan jumpa rumah orang... orang Negeri Sembilan, orang yang besar Tampin, jumpa kubu orang-orang besar Tampin tu, orang adat Perpatih la. Kita akan jumpa Bendahara Tepok zaman Melaka. *So [Jadi]* banyak adat kat dalam tu.

NSA: Oh dia tak fokus kepada satu adat je la?

AAL: Tak. Itu yang uniknya Segamat sebab dia takda pemerintahan yang betul-betul spesifik. Jadi, orang nak masuk, masuk je la. Kira macam tempat bertembung. Macam kalau Melaka, dia kena ikut lah syarat. Kena Melaka kan. Tapi yang Segamat takda. Sebab satu, Temenggong Muar pulak, dia tak boleh nak kawal. Sebab dia kena sedar yang dah ada orang yang suku sendiri kat dalam tu. Jadi, cuma dia dapat jawatan tu sebab dia dapat mas kahwin daripada sultan Johor lama. Ha... sebab dia kawin dengan anak sultan Johor lama. *So* [Jadi], dia dapat tanah Segamat, duit Segamat. Jadi, dia dapat macam tu je. Jadi, dia bukan orang.

NSA: Dia bukan siapa-siapalah?

AAL: Iye... betul. Cuma dia dapat tanah tu, jadi dia kena hormat. *So*[Jadi], tu yang dia lantik penghulu ni daripada kalangan orang-orang dia juga. Ada empat [4] penghulu. Penghulu Dagang, Penghulu Mungkal.

NSA: Seterusnya, apakah agama yang diamalkan oleh penduduk awal?

AAL: Agama Islam. Tapi masih amalkan adat-adat Hindu tu masih ada lagi lah macam mandi safar, adat tanam padi, kena... (bunyi ciapan burung) apa baca-baca mantera ada... ha yang ni kita dapat rekod daripada buku Cikgu Arshad Mohammad. Dia ada kumpulkan mantera-mantera daripada Tok-tok Bidan, Tok Bomoh pawang ni kan. Dia buat buku. Manuskrip tu tak jumpa lah. Cuma dia tulis balik dalam buku dia je. *So* [Jadi], adalah macam mana nak sembuhkan mata, macam mana nak pikat gadis pun ada, (sambil gelak kecil) apalagi dalam mantera dia banyak.

NSA: *Kay* [Baik]. Apakah corak pentadbiran di Kampung Lubok Batu?

AAL: Corak pentadbiran... awal adat Temenggong tu lah. Pastu lepas Temenggong Muar dah serahkan kepada Maharaja Johor, dia dah ubah lain ikut sistem British. So [Jadi], lantikan penghulu ni, dia nak jaga hati Temenggong Muar ni, dia lantik pula Temenggong Muar ni jadi penghulu. Sampailah sembilan belas tiga puluh [1930], sistem ni dah dihapuskan digantikan dengan pesuruhjaya Muar pulak. Eh, pesuruhjaya kerajaan Segamat. Maksudnya, dah takda siapa apa dah. Yang penting dia ada pendidikan yang bagus, jawa... apa... didikan yang baik apa semua kan. Ha, dah boleh jadi tu. So [Jadi], dah takda sistem keturunan tu dah takda. Ha, tu lah cara perubahan corak sampai sekarang lah. Masih amalkan macamtu lah. So [Jadi], kalau kita rasa kita nak daftar diri kat pejabat daerah, bolehla jadi penghulu. (gelak kecil) Dah takda lagi keturunan tu dah takda.

NSA: Siapa-siapa lah boleh kiranya. Asalkan ada?

AAL: Haah boleh. Ada kualifikasi sikit la. Kriteria dia nak letak.

NSA: Kay [Baik]... seterusnya siapakah yang mentadbir Kampung Lubok Batu pada masa kini. iaitu ketua kampung dia ke?

AAL: Ada tapi saya tak kenal lah. Tapi saya kenal penghulu Gemereh je lah. Penghulu Gemereh maksudnya termasuk... ha apa... dalam kawasan Lubok Batu lah. Encik Ariffin. Tapi tak tahu lah masih jadi atau tak. Saya tak tau. Penghulu ni susah sikit. Sebab dia akan bertukar-tukar.

NSA: Baiklah, sesi yang seterusnya saya serahkan kepada rakan saya, Nur Izzati.

NIM: Kay [Baik]... saya Nur Izzati merupakan penerumah... penemuramah untuk sesi yang kedua. Soalan yang seterusnya ialah adakah yang mentadbir kawasan itu hanya terdiri daripada keturunannya sahaja atau dia melantik orang lain?

AAL: Sekarang ni dah takda lagi dah daripada keturunun. Sistem ni dah dihapuskan sembilan belas tiga puluh [1930]. Sekarang yang penting ada pendidikan yang baik, daripada keluarga yang baik, dah boleh daftar dah dengan pejabat daerah.

NIM: Soalan yang seterusnya, apakah prasarana ataupun kemudahan yang disediakan di Kampung Lubok Batu pada masa kini? Contohnya macam sekolah ke, universiti awam, hospital awam, taman awam ataupun tempat-tempat bersejarah.

AAL: Kampung Lubok Batu ni, dia bergantung dengan Gemereh sebab Gemereh ni dulu pekan. Jadi, Lubok Batu ni, prasarana dia banyak bergantung kepada kawasan Gemereh. Cuma kelebihan pada Lubok Batu ni, prasarana dia... dia tempas dengan bandar. Sebab dia tengah-tengah. Dia dekat dengan Gemereh dan dia dekat dengan Bandar Segamat. Jadi, Lubok Batu dia takde sekolah, dia takda apa-apa lagi yang hebat la prasarana. Wi-Fi pun takda la. Tak baik jugak. *Slow* [lambat] kan. Jadi, yang dia ada, masjid... masjid tu lama, jalan raya... jalan raya yang paling awal masuk kat... Lubok Batu taon sembilan belas dua puluh enam [1926]. Dia buat jalan tu bukan untuk orang kampung. Tapi dia nak buat jalan tu untuk ke kubur baru. Sebab masa tu kubur Bendahara Tepok tu, Lubok Batu tu, dah penuh. Zaman sembilan belas dua puluh enam [1926] tu dah penuh. Dah takleh tanam lagi dah. Jadi dia... kerajaan umumkan cari tanah baru. Tu yang dapat dekat Kampung Berata. Jadi dia perlukan jalan. Jadi prasarana tu dapat semata-mata untuk jalan ke kubur tu. Bukan untuk orang kampung pun untuk ke kubur. Dan itu antara yang awal lah dapat prasarana jalan raya. Yang masjid tu, dia dapat prasarana daripada kerajaan Johor lah. Kerajaan Negeri Johor [KNJ] nak besarkan masjid Lubok Batu tu lah. Masa tu masjid... masjid batu bata, atap genting lah. Tahun sembilan belas dua puluh enam [1926] tu. Yang asal dah kayu. Dah roboh lah. Dah... dah buruk kan. *So* [Jadi], dia dapat la daripada Kerajaan Negeri Johor [KNJ]. Dikatakan yang masjid ni dia amik daripada pelan Kota Tinggi. Tak tahu Kota Tinggi belah mana, kampung apa. Kita bo... dapat rekod tu lah. Ha, itulah prasarana dia. Yang macam yang baru

ni, dia buat lah tembok kat Lubok Batu tu kubur tu dia buat pagar untuk cantik kan. Pastu buat papan tanda.

NIM: Yang ada maklumat tu?

AAL: Haa... inilah bermulanya Segamat. Tahun dua ribu sepuluh [2010] tu dia buat untuk orang memperingati asal usul Segamat. Tu je lah prasarana yang ada sebab tak banyak sebab dia tempias dengan Gemereh, sekolah... Sekolah Kebangsaan Gemereh. Pastu ada anak yang anto ke bandar, Sekolah Tinggi Segamat. So [Jadi], dia dah tak perlu. Dia tempias dengan tu je. Cuma ada balai raya tu ada lah.

NIM: Okay. Seterusnya soalan berkenaan tentang Bendahara Tepok, apakah nama sebenar beliau dan adakah beliau mempunyai nama panggilan lain?

AAL: Nama sebenar kita takda fakta jelas lah. Ada yang mengatakan ada bu... kajian lah. Dia kata tu Hamzah. Jadi kita tak tau. Tapi berdasarkan Tun Sri Nang... apa... Tun Sri Lanang yang dalam seratus latin tu, takda bagitau pun nama Bendahara Tepok tu. Bagi tahu Bendahara Paduka Tuan, Tun Pikrama, Bendahara Tepok. Tu je lah. Paduka Tuan. Tu je gelaran dia. Sampai lah dia... sampai lah dia ke ban... ke Lubok Batu, baru lah dia digelar Bendahara Lubok Batu. Tu je nama gelaran dia.

NIM: Mengapa beliau digelar Tepok?

AAL: Sebab dia kena penyakit lumpuh. Tak tahu usia berapa. Tapi dia kena penyakit lumpuh lah. Tu yang dia panggil Tepok lah. Jalan mengesot.

NIM: Bilakah tarikh beliau meninggal dan dimanakah tempat jenazah disemadikan.

AAL: Beliau meninggal dalam... berdasarkan Tun Sri Lanang, dalam tahun lapan puluh [80] lebih lah umur dia. Mungkin lapan puluh enam [86]. Dia meninggal Disember seribu lima ratus sebelas [1511]. Bulan Disember seribu lima ratus sebelas [1511]. Pastu [Selepas itu] dia dikebumikan di Kampung Lubok Batu lah. Sekarang ini, orang panggil perkuburan makam Lubok Batu lah.

NIM: Beliau meninggal disebabkan oleh apa?

AAL: Sakit tua.

NIM: Menurut sumber yang saya baca, adakah makam beliau dibaluti kain kuning dan kenapa ianya dibuat begitu?

AAL: Oh okay. Kubur Bendahara Tepok ni pun, bila kami dari Persatuan Sejarah Segamat [PSS] kaji balik mana satu kubur Bendahara Tepok. Sebab berdasarkan kajian Yayasan Warisan Johor [YWJ] mengatakan Bendahara Tepok yang batu nisan Aceh tu ataupun batu nisan pasai bawah pondok. Tapi yang sekarang ni, tiba-tiba persatuan sejarah masa tahun sembilan puluhan [90-an] masa tu dikendali oleh arwah Ungku Zaman. Mungkin dia dengar cerita daripada arwah Wan Ambak keturunan Temenggong Muar ni kan. Mengatakan yang sebelah Temenggong Muar pertama punya kubur tu adalah kubur Bendahara Tepok. Dan kita mintak keluarga Wan Ambak fakta benda tu kan. So [Jadi], dia kata ada kubur lama kat situ pakai batu... batu kosong gitu kan. Bila tengok, eh ini batu baru, bukan batu lama. Ha, sebab bila kita rekod balik, macam mana arwah Wan Ambak dapat tahu tu rupanya masa R.O. Windstedt datang ke Segamat tahun sembilan belas tiga puluh dua [1932] tu, dia buat kajian pasal Bendahara Tepok. Dia jumpa Encik Sulaiman. Encik Sulaiman ni umo dah sembilan puluh [90] tahun. Dah lumpuh jugak. Jadi, dia tak dapat

tunjuk Bendahara Tepok yang mana kuburnya. So [Jadi], dia bagitahu lisan dia kata, tu ha sebelah... sebelah apa makam Temenggong Muar yang pertama. Betul-betul R.O. Windstedt amik yang makam yang sebelah tu lah sekarang. Sampailah cerita tu orang amik sampailah persatuan Sejarah Segamat atau sesiapa buat kepok la, batu nisan baru letak Bendahara Tepok tahun Disember sembilan belas sebelas [1911]. Pastu, letak kain kuning. Pastu yang kubur nisan pasai tu dah habis gitu je. Jadi konflik dekat situ. Bila kaji-kaji, tak mustahil Bendahara Tepok ni habistu nisan pasai tu siapa punya? Kan? Sebab yang... nak... untuk nisan pasai ni orang-orang yang ada jawatan besar atau berjasa dengan kerajaan Melaka je yang ada bentuk nisan pasai ni. Jadi, bila kita buat kajian, tu sebenarnya. Cuma kita jaga hati... apa... keluarga Temenggong Muar ni kan. Ha itu lah dia. Tapi kalau kajian kita, yang batu nisan pasai tu lah. So [Jadi], keluarga kerabat Temenggong Muar ni yang pasang nisan kuning tu. So [Jadi], untuk melambangkan kerabat diraja lah kuning ni. Ada juga fakta dah keluarkan macam benda ni syirik lah apalah, kuning kan. Tapi... orang apa... mufti kata terus je. Untuk bagitahu yang adanya sejarah. Tu je. Bukan nak membesarkan... apa... keturunan, takda. Kena letak dalam hati, tu un... bagitau dia lah jasa tu je. Bab yang kuning-kuning, banyak lah jasa dia. Cukup.

NIM: Makam siapakah yang berdekatan dengan makam Bendahara Tepok?

AAL: Makam Bendahara Tepok kebanyakan di, dia punya pengikut lah. Dikatakan dua puluh [20] orang pengikut dia. Tapi pakai batu biasa lah, batu sungai. Sebabtu kadang-kadang dia ada batu sungai kan? Tapi Temenggong Muar semua bentuk batu nisan yang sama kan? Sebab keluarga dia. Jadi yang batu sungai tu, kalau kita jumpa batu sungai dekat *area* [kawasan] makam Lubok Batu, ha tu zaman-zaman dia lah tu, zaman pengikut dia. Tapi ada juga orang asli yang juga batu sungai. Tu tak tahu sangat lah. Cuma kalau sebelah Bendahara Tepok tu semua pengikut dia yang dah menetap dekat Segamat.

NIM: Kay [Baik]. Encik tahu tak nama-nama pengikut-pengikut dia?

AAL: Oh tak tau. Yang kita tau Hang Nadim, Tok Rahmat anak Bendahara Tepok dengan Silamat Gagah tu. Yang tu je sebab yang berdasarkan rekod Tun Sri Lanang tulis.

NIM: Menurut pengetahuan encik, apakah yang membezakan makam Bendahara Tepok dengan makam orang biasa dekat Makam Lubok Batu tu?

AAL: Beza dia boleh tengok dari kubur... apa... batu nisan tu lah. Batu nisan pasai tu. Kita boleh tahu dekat situ lah. Pastu dengan nak tau lama ke tak lama, tengok arah kiblat kubur tu. Kalau dia lari daripada arah kiblat, lama lah tu. Kalau yang baru dia dah betulkan balik. Sebab dulu takda sistem betul-betul kan? So [Jadi], dia ikut ilmu falak.

NIM: Soalan seterusnya, makam Bendahara Tepok menggunakan batu sungai ataupun batu nisan Aceh?

AAL: Batu nisan pasai. Dia guna batu nisan pasai bentuk pasai yang bawah seribu lima ratus [1500] kebawah. Bukan seribu lima ratus [1500] keatas, seribu lima ratus [1500] kebawah. Sebab nisan pasai ni dia guna bawah seribu lima ratus [1500] kebawah je. Pastu nisan pasai ni dah tak buat lagi dah.

NIM: Ohh. Batu nisan dekat sana ada yang ditanda cop mohor, cap mohor. Dia menandakan apa?

AAL: Cop mohor tu kaum kerabat Raja Temenggong Muar. Dekat situ nama dia lah.

NIM: Masih ada lagi ke waris atau keturunan Bendahara Tepok yang masih hidup?

AAL: Masih ada. Masih ada. Contoh Dato' Wan Idris lah. Dah arwah lah. Menteri Besar Johor [MBJ] dulu. Ha, dia waris dia yang banyak *repair* [membaiki] tahun lima puluhan [50-an], dia yang banyak apa... *maintenance* [ubah suai] kubur-kubur tu, naik taraf bumbung tu semua dia yang buat lah. Kepok semua tu. Tu yang dia yang buat lah. Keluarga dia. (bunyi ciapan burung)

NIM: Kay [Baik]. Sesi ini diteruskan dengan bahagian yang kedua. Boleh encik kongsikan tentang bunyi Meriam sebelum berlakunya bencana besar seperti banjir?

AAL: Oh. Saya percaya kisah tu (sambil gelak kecil). Tapi saya tak letak la yang banjir tu sebab Meriam (sambil gelak kecil). Jadi, kisah tu dah lama masa arwah Ungku Zaman buat buku tahun sembilan puluhan [90-an] tu, dah ada cite dah bunyi-bunyi meriam. Bila bunyi meriam, banjir. Bunyi meriam lagi, banjir. Yang tu je lah yang kita ada maklumat. Awal kisah banjir tu ada yang kata dekat Bukit Piatu. Bukit Piatu ni dekat Pogoh. Dekat tepi Sungai Kenawar. Sungai Kenawar tu dia kata dekat situ. (bunyi orang bersin). Saya sendiri pun tak tahu. Ada yang kata dekat Kampung Tungku Tiga. Banyak sangat meriam (sambal ketawa kecil). Tapi memang... macam kita... macam saya buat kajian memang ada jumpa meriam lah. Orang keluarga yang masih simpan. Macam dekat Kampung Mengkudu ada meriam dekat belakang rumah dia sebab arwah nenek moyang atuk dia tukira macam penghulu lah. Jadi dia ada meriam lah. Dekat Kampung Sepinang ada meriam untuk raja kan. Penghulu jugak simpan. Jadi nak katakan meriam tu dia macam kepercayaan orang bunyi meriam. Tah bunyi guruh ke apa kan? (sambal ketawa kecil).

NIM: Soalan seterusnya, benar atau tidak banjir besar di Segamat pada tahun sembilan belas dua puluh enam [1926] dikenali sebagai Bah Merah? Kenapa dipanggil Bah Merah?

AAL: Dipanggil Bah Merah, Bah tu banjir lah. Merah tu sebab banyak yang meninggal lah masa tu. Banyak yang rosak. Barang-barang yang, rumah-rumah yang rosak. Sebab Bah Merah ni masa tu Malaysia dapat kuantiti hujan yang terlalu banyak sampaikan Pahang dengan Kelantan masa tu tempias sekali. Bah Merah ni bukan Segamat je masa tu. Bah Merah ni sembilan belas dua puluh enam [1926] termasuk sekali dengan Pahang dengan Kelantan. Taburan hujan dia tinggi masa tu. Jadi, tahun sembilan belas dua puluh enam [1926] ni, Segamat dah banyak buat teroka hutan tau. Dia dah banyak buat penebangan hutan tahun sembilan enam belas [1916] ni untuk tanaman getah. Jadi banyak sampai Buloh Kasap bape puluh lima ratus [500] hektar ditebang pokok untuk tanaman getah. Jadi masa tu lah bila dah dapat taburan hujan yang tinggi ni, ha tu yang orang rasa kali pertama dapat tempias sembilan belas dua puluh enam [1926] tu. Masa tu kita tak dengo lagi sebelum sembilan belas dua puluh enam [1926] banjir. (bunyi orang berbual) Ha maksudnya pokok-pokok ni memang kawal banjir lah sebab sistem tanah tu tak terhakis. Ha, jadi itu yang dipanggil Bah sembilan belas dua puluh enam [1926].

NIM: Dimanakah lokasi sebenar meriam tersebut dijumpai dan adakah ianya berkait dengan (bunyi orang bersin) masjid Makam Lubok Batu?

AAL: (Bunyi orang berbual) Meriam yang dijumpa ni masa nak *renovate* [perbaiki] tahun lapan puluhan [80-an] dibesarkan eh sembilan belas lapan puluh enam tak silap. Nak dibesarkan masjid yang lama tu. Pastu dia jumpa meriam tu bawah mimbar tu. Mimbar masjid. Jadi, bila jumpa, ha naik lagi isu meriam bila meriam je bunyi mesti banjir. Dia bangkitkan lagi tu kan. Jadi, bila jumpa meriam tu, muzium simpan lah. Muzium simpankan. Masih ada lagi lah meriam tu.

NIM: Berapa banyak meriam tu dijumpai?

AAL: Masa tahun tiga puluhan [30-an] tu ada dua [2]. Tahun lapan puluhan [80-an] satu [satu]. Tapi meriam tu mula masa saya buat kajian ingatkan benda tu meriam zaman Bendahara Tepok. Rupanya meriam tu zaman meriam British. Sebab meriam British dia guna eh dua [2]. Dua [2] meriam British, satu [1] meriam Lela. Meriam Lela ni memang buatan tangan orang Melayu sendiri lah. Dia pakai *bronze* [tembaga]. Bila dia lama, dia jadi warna hijau besi tu. Dia tak berkarat. Yang karat ni meriam British. Dia pakai besi lah. (Bunyi orang bercakap) Besi... pakai... besi ketuk tu. Ha, jadi bila tengok, (bunyi deruman kereta) oh baru tau yang kita jumpa benda ni kat zaman British. Bukan zaman Bendahara Tepok.

NIM: Di manakah keberadaan meriam tersebut pada masa sekarang?

AAL: Tiga meriam dengan peluru yang dijumpa bawah mimbar tu, dah disimpan di Muzium Stadthuys kat Melaka lah. Sebab masa tu buat eskavasi oleh PERZIM [Perbadanan Muzium Melaka] bawah jabatan muzium Melaka. Jadi di simpan di sana lah. Masa tu pun Segamat takda muzium. *So* [Jadi], nak simpan dekat mana? (sambil gelak kecil) Diletaknya lah di muzium Melaka lah. Tapi ada yang bagitau, masa jumpa tu dia letak di balai polis. Balai polis Segamat dekat bandar tu. Jadi, daripada terbiar tu yang muzium... dipindahkan ke muzium Melaka biar dia jaga lah. Ada tempat yang jaga. Tu lah isu dia. Sekarang kita nak amik balik dah tak boleh. Segamat pun takda muzium.

NIM: (gelak kecil) Boleh encik ceritakan tentang Masjid Makam Lubok Batu?

AAL: *Okay* [Baik]. Masjid Makam Lubok Batu, saya dapat maklumat ni daripada Encik Shah. Encik Syah ni dia ada simpan manuskrip masa awal... awal apa... awal renovasi masjid ni. Jadi dia bagi pada saya. Jadi yang kita dapat rekod, dia buat tahun sembilan belas dua puluh enam [1926]. Itu adalah antara yang awal

lah yang di... di... betul-betul lah *proper* [sesuai]. Bukan lagi pondok. Sebab awal sebelum tu, pondok je. Pakai kayu, terbukak takda tingkap, bumbung, lantai, tiang. Ha solat dekat situ. Ha memang dia pondok. Pastu sampai lah sembilan belas dua puluh enam [1926] tu, dapat kajian negeri Johor bagi peruntukan. Masa tu bawah pegawai daerah Haji Mohd Tap. Jadi dia dapat peruntukan saya bagi, *so* [jadi] dia buat masjid tu. Tu yang dikatakan pelan Masjid Lubok Batu ni dia amik sama dengan Kota Tinggi sebab mungkin ada kaitan Sejarah Johor Lama dengan Temenggong Muar ni. Jadi dia amik pelan tu betul sama. Ha masa tu pakai atap tanah liat lah tanah liat. (bunyi kerusi) Bangunan batu bata pakai batu bata lama tu kan. Jadi, dah kecik. Jadi, bila penduduk dah tambah, dia besarkan lebarkan lagi, dia robohkannya masjid lama tu. Tahun lapan puluhan [80-an] dibesarkan, dia pakai lah bumbung masjid negara. Tau tak Masjid Negara yang payung tu? (mengangguk) Ha dia *standard* [piawai] kan masa tu. Semua kat dalam Malaysia pakai bumbung macam tu. Sebab masa tu dia lantik JKR [Jabatan Kerja Raya]. JKR [Jabatan Kerja Raya] guna *standard* [piawai] bangunan tu zaman tu bentuk Masjid Negara [MN] payung tu. Sebagai simbol Di Raja lah. Ha, Raja Pelembagaan tu kan. Jadi, *renovate* [baiki] sampai sekarang lah masjid yang sekarang cuma sekarang dah jadi kubah.

NIM: Dia tukar eh?

AAL: (Gelak kecil) Dia tak praktikal bila dia guna bumbung... apa... bumbung payung macam Masjid Negara [MN] tu. Bocor. So [Jadi], dia jadi kubah melambangkan Islam pulak. Ha, sampai sekarang ada... ada cadangan lagi nak robohkan masjid yang sekarang ni buat bangunan baru lah. Maksud tinggikan lagi sama *level* [paras] dengan jalan, bawah tu parking [tempat letak kenderaan]. (bunyi orang berbual). Sebab tu kita tengok masjid sekarang ada tambak. Perasan tak ada tambak tepi Masjid Lubok Batu tu dia tambak? Dah ada *proposal* [cadangan] dah. Cuma tak tau bila nak gerak peruntukan untuk masjid baru ni. (bunyi kerusi ditarik)

NIM: Bila tarikh sebenar yang masjid tu siap di... di ubah suai?

AAL: Masjid di ubah suai...tahun lapan puluh tiga [83]. Pastu dia dirasmikan Sultan Johor lah. Tahun lapan puluh empat [84], dia bukak lah oleh Menteri Besar Johor masa tu.

NIM: Encik tau tak siapa imam dan bilal masjid tersebut pada masa kini?

AAL: Bilal yang terkini... saya tak ingat. Tapi yang yang... yang pertama lah yang saya ingat Tuan Haji Dasil bin Mahmud sebagai imam, mana bilal Abu Bakar bin Sudin. Ni orang, orang Lubok Batu sendiri lah. Dekat-dekat dengan orang kerabat Temenggong Muar lah jugak.

